

B H 22/12

Ringgit ditutup lebih tinggi berbanding dolar Amerika Syarikat (AS) semalam selepas disokong oleh harga minyak mentah yang bertambah baik.

Pada jam 6 petang, ringgit disebut harga pada 4.4770/4820 berbanding AS dolar daripada 4.4780/4810 yang dicatatkan semasa kelmarin.

Peniaga berkata, penanda aras niaga hadapan minyak mentah Brent naik sebanyak 0.79 peratus kepada AS\$55.59 satu tong dan niaga hadapan minyak mentah AS, WTI menokok 0.81 peratus kepada AS\$53.73 satu tong semalam, disebabkan jangkaan penurunan stok minyak mentah AS.

“Ringgit dijangkakan tidak mungkin terus jatuh memandangkan Pertubuhan Negara-negara Pengeksport Petroleum (OPEC) dan bukan pengeluar OPEC, termasuk Malaysia, bersetuju untuk mengurangkan pengeluaran minyak menjelang 10 Disember tahun ini,” katanya.

PETRONAS semalam mengumumkan akan memotong sehingga 20,000 tong pengeluaran minyak mentah sehari mulai Januari 2017.

Berbanding mata wang utama lain, ringgit didagangkan kebanyakannya lebih rendah.

Ia susut berbanding dolar Singapura kepada 3.0989/0034 daripada 3.0928/0970 yang direkodkan kelmarin, turun berbanding yen kepada 3.8083/8138 daripada 3.7920/7962 dan jatuh berbanding euro kepada 4.6543/6613 daripada 4.6495/6531 kelmarin.

Bagaimanapun, ringgit menokok berbanding pound kepada 5.5188/5268 daripada 5.5447/5502 kelmarin.

REUTERS